

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 20 APRIL 2014 (AHAD)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	MOSTI nafi dakwaan salah guna dana geran R&D RM1.152 Bilion	Bernamea.com
2	Gempa sederhana landa Sumatera Utara	Bernamea.com
3	Pilih topi keledar ikut piawaian	Metro Ahad
4	KLESF	New Sunday Times



Mosti Nafi Dakwaan Salah Guna Dana Geran R&D RM1.152 Bilion

ALOR GAJAH, 20 April (Bernama) -- [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi \(Mosti\)](#) hari ini menafikan dakwaan berlaku salahguna dana geran berjumlah RM1.152 bilion yang disalurkan bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan (R&D).

[Timbalan menteri berkenaan Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah](#) berkata semua peruntukan bagi dana R&D tersebut diberikan kepada penyelidik atau pemohon melalui prosedur ketat.

Katanya, permohonan diluluskan jawatankuasa penilaian yang dianggotai golongan pakar dan profesional dalam bidang tertentu.

Penyelidik dan pemohon dana terbabit juga perlu mengikut prosedur seperti mengemukakan kertas cadangan yang lengkap dan perlu melakukan pembentangan pada jawatankuasa penilaian, kata beliau.

"Mosti langsung tidak terlibat dalam jawatankuasa itu dalam meluluskan berapa jumlah peruntukan dana kepada penyelidik atau pemohon.

"Ia (jumlah peruntukan) bergantung pada kertas kerja yang dibentang dan hasil penilaian panel," kata Abu Bakar kepada pemberita selepas Majlis Penutup Kem Rakan Remaja Patriotik Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP), di sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Pengarah Strategi PKR Rafizi Ramli yang dilaporkan beberapa media elektronik dan blog miliknya pada 15 April lepas yang mendakwa geran R&D Mosti disalahgunakan.

Rafizi turut mendakwa perbelanjaan berjumlah RM1.152 bilion itu dari 2009 hingga 2013 tidak setimpal dengan hasil kajian R&D yang dikomersilkan setiap tahun iaitu 20 produk.

Mengulas lanjut, Abu Bakar berkata bukan semua peruntukan geran R&D Mosti bertujuan mengomersilkan hasil kajian yang diperolehi.

Katanya walaupun bilangan produk yang dikomersilkan setahun agak rendah iaitu sebanyak 20 produk namun ia merupakan satu pencapaian yang baik kerana dalam masa lima tahun sebanyak 100 produk dapat dikomersilkan.

Dalam perkembangan lain, Abu Balar berkata Mosti bercadang memaksimum penggunaan air bawah tanah sebagai alternatif punca bekalan di negara ini.

Katanya, usaha ini akan dilakukan dengan kerjasama [Agensi Remote Sensing Malaysia \(ARSM\)](#) dan beberapa universiti tempatan.

"Kita akan memberikan peruntukan secukupnya, dan kita mempunyai teknologi yang cukup untuk melaksanakannya," kata beliau.

Beliau mengulas laporan sebuah akhbar hari ini mengenai kewujudan simpanan 5,000 bilion meter padu air bawah tanah di negara ini.

Menurut laporan, hanya tiga peratus dari jumlah itu digunakan setakat ini.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 20 APRIL 2014 (AHAD)



Gempa Sederhana Landa Sumatera Utara

KUALA LUMPUR, 20 April (Bernama) -- Gempa bumi sederhana berukuran 5.4 pada skala Richter menggegarkan Sumatera Utara, Indonesia pada 4.43 petang Ahad.

Menurut kenyataan [Jabatan Meteorologi Malaysia](#) gempa itu berpusat di 110 kilometer tenggara Nias, Indonesia dan 436 km barat daya Klang, Selangor.

Gempa bumi itu tidak membawa ancaman tsunami.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR
METRO AHAD (SETEMPAT): MUKA SURAT 35
TARIKH: 20 APRIL 2014 (AHAD)**



DR Tam (dua dari kiri) melepaskan konvoi motosikal di Delta Perdana, Shah Alam.

Pilih topi keledar ikut piawaian

Shah Alam: Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) menggesa penunggang dan pembonceng motosikal supaya memilih serta memakai topi keledar yang menepati piawaian keselamatan ketika berada di jalan raya bagi mengurangkan risiko kecederaan kepala.

Penggunaan topi keledar yang tidak mendapat pengesahan Institut Penyelidikan dan Piawaian Malaysia (SIRIM) akan menyebabkan penunggang dan pembonceng berdepan risiko cedera parah pada kepala.

Ketua Pengarah JKJR Datuk Dr Tam Weng Wah berkata, kurangnya kesedaran dalam kalangan penunggang dan pembonceng berkaitan perkara itu menyebabkan kes kemalangan maut meningkat.

"Topi keledar alat pence-

gahan. Jika mereka menggunakan topi keledar tidak berkualiti dan tanpa piawaian, ia tidak akan melindungi mereka.

"JKJR bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) sentiasa memantau syarikat dan pembekal topi keledar dalam memastikan mereka membekal topi keledar yang mengikut piawaian kepada pengguna," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Kempen Keselamatan Jalan Raya Untuk Penunggang Motosikal anjuran syarikat Damini Corporation Sdn Bhd dan Delta Perdana Sdn Bhd di Pejabat Urusan Delta Perdana di Seksyen U5, di sini, semalam.

Tam berkata, selain menggunakan topi disahkan SIRIM, penunggang serta pem-

bonceng wajar menukar topi keledar berusia lebih lima tahun kerana kualitinya semakin merosot.

Katanya, topi keledar disahkan SIRIM terbukti mampu mengurangkan risiko kecederaan kepala ketika kemalangan kerana menjalani ujian makmal dan ujian keselamatan lain.

Sementara itu, Pengarah Urusan Delta Perdana Borhanuddin Ramli berkata, pihaknya mengadakan kempen itu bagi memberi kesedaran di kalangan pekerja syarikatnya yang sebahagian besarnya menunggang motosikal.

"Kempen keselamatan jalan raya penting dalam memupuk kesedaran dan ia juga sebagai langkah pencegahan awal dalam menjaga kepentingan dan keselamatan kakitangan syarikat," katanya.

**KERATAN AKHBAR
NEW SUNDAY TIMES : MUKA SURAT 16
TARIKH: 20 APRIL 2014 (AHAD)**

Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), the Asean Academy of Engineering and Technology (AAET), Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT), the Institution of Engineers Malaysia (IEM) and the National Science Centre are co-organising The Kuala Lumpur and Engineering Science Fair (KLESF 2014) from Friday to Sunday (9am to 5pm) at the **National Science Centre** in Kuala Lumpur.

The event brings together the participation of business and industry to assist in promoting learning and career development in areas related to Science, Technology, Engineering and Mathematics among schoolchildren.

Visit www.klengsc.net for details.